Komentar Persidangan Alim Ulama Mengenai Zakat

Niatan dan tujuan mengadakan Persidangan Alim Ulama yang dianjurkan oleh MARA adalah baik sekali terutamanya dapat dihimpunkan alim ulama dan kaum intelek terutamanya dari pakar-pakar ekonomi supaya dapat kata sepakat untuk membaiki ekonomi umat Islam. Yang menjadi bahan untuk dibahas ialah wang-wang yang disimpan oleh pejabat-pejabat agama di seluruh Malaysia Barat yang dipungut atau terhimpun dari zakat harta. Zakat fitrah, harta wakaf (milik-milik khas dan am), dan harta yang termasuk ke dalam Baitulmal yang terlingkung di dalam istilah pejabat-pejabat agama negeri-negeri.

(Oleh: Pemberita Kita)

Untuk ini maka perlulah diundang pejabat-pejabat agama negeri dan kerana itu dimintalah pejabat-pejabat agama negeri menghantar seramai empat puluh orang tiap-tiap negeri. Tidak diketahui adakah dengan perbelanjaan jabatan-jabatan agama atau kerajaan negeri ataupun oleh MARA yang menganjurkan serta diberi peluang pula peserta di luar daripada lingkungan jabatan agama untuk meramaikannya.

Di dalam menghadapi persoalan-persoalan yang dibahas timbul dua jurusan: Yang pertama yang berhubung dengan hukum dan kedua yang berhubung dengan ekonomi. Kedua-duanya hendak dipersesuaikan supaya dapat manfaat daripadanya.

Kita berpendapat bagi pihak alim ulama sepatutnya mereka terlebih dahulu mengkaji hukum dengan mengikut dasar "menjauhkan mudarat lebih dahulu dicari atau diambil daripada mencari atau mengambil manfaat" kepada sesuatu yang bakal hendak dihukumkan itu – dan hendaklah lebih dahulu cukup mengenal kepada barang yang akan dihukumkan itu.

Sebab hukum itu berasas dari kitab Allah dan *al-sunnah* yang dijadikan pedoman oleh seluruh ulama-ulama Islam – tidak dengan semata-mata fikiran dan perusahaan – maka hendaklah tiap-tiap sesuatu yang akan dihukumkan itu dikaji dengan saksama dan teliti – baharu diberi hukumannya – sama ada wajib, harus, haram, makruh dan sebagainya. Ini tidak akan dapat dibuat melainkan dengan dilakukan *murāja'ah* (*recess*) yang mengambil masa yang lanjut sebelum dibahaskan.

Tetapi khabarnya di dalam membahas persoalan ini kebanyakan peserta tidak mendapat kertas kerja lebih dahulu melainkan pada hari persidangan itu dan yang menerima di asrama tatkala ia sampai sehari sebelumnya dan ada pula peserta tidak mendapat langsung kertas kerja itu sekalipun ia diterima menjadi peserta dan kemudian meminta kertas kerja itu sehingga hari yang kedua dari persidangan.

Tujuh kertas kerja itu dibahas di dalam dua hari dengan bahasan umum – ertinya tidak dibahagi-bahagi membuat rumusan kemudian baharu dibuat rumusan umum sehingga orang boleh mendatangkan pandangan bahawa masalahnya tidak cukup masak dibahas di dalam hukum.

Pendapat-pendapat ini mungkin timbul apabila segala keputusan yang dibuat boleh dipandang orang merampas hak kepunyaan sesuatu golongan – diambil dijadikan suatu tujuan yang bertentangan dengan dasar zakat terutamanya berkenaan zakat fitrah.

Persoalan-persoalan yang mesti dikaji dengan saksama dan dihalusi oleh alim ulama mengenai soal-soal hukum sebelum memindahkan harta-harta itu dijadikan modal di dalam perniagaan – walau apa cara sekalipun – menurut fahaman kita:

1. **Pungutan zakat fitrah** – bukan zakat *māl* atau harta atau lainnya – yang dijalankan oleh setengah jabatan-jabatan agama di Malaysia (disebut setengah-setengah kerana Kedah tidak memungut zakat fitrah) adakah ia bertentangan dengan apa yang diamalkan oleh Rasulullah (S.A.W)?

Soal ini timbul kerana pada masa Saiyidina Abū Bakr memerangi orang-orang yang enggan memberi zakat bukannya atas zakat fitrah tetapi atas selain daripada zakat fitrah sedang zakat fitrah itu masanya diwajibkan sangat singkat dan apabila habis masanya berdosalah bagi yang tidak mampu dan kalau dirinya juga tidak menebus dosanya tetapi semata-mata hanya sebagai bersedekah sedang tujuan adalah bagi menyukakan fakir dan miskin bersama-sama untuk berhari raya. Yang mengetahui kesusahan fakir dan miskin – terutamanya fakir adalah jirannya – sedang jiran disuruh membuat mahabbah. Sekiranya pungutan ini diambil dan dipaksa "dirampas" dari yang punya hak maka tanggungjawab

terpulang kepada mereka yang merampas menjawabnya kelak.

2. **Harta wakaf.** Wakaf telah diputuskan supaya dirangkum untuk dijadikan satu sama ada wakaf khas atau wakaf am. Seseorang yang berharta ada yang tidak mahu berwakaf kalau tidak mengikut kemahuannya. Kalau ia berwakaf am – tidaklah menjadi soal tetapi ada orang yang gemar berwakaf khas umpamanya untuk Masjid Muhammadiyah. Atau untuk Madrasah Mahmudiyyah dan sebagainya. Wakafnya telah ada banyak – adakah hak wasiat itu boleh memindahkan wakaf itu kepada tujuan yang lain daripada maksud orang yang mewakafkannya atau mengikut wasiatnya?

Sekiranya ditakuti, sebagaimana yang selalu berlaku, dipesongkan harta-harta wakaf itu oleh *wāṣī* maka hendaklah dibuat peraturan tiap-tiap wakaf khas didaftarkan dan *wāṣī* atau nazir yang memegang harta wakaf itu hendaklah membuat laporan atau penyata kira-kiranya setahun sekali supaya harta itu terkawal dan sekiranya mereka tidak boleh mengawalnya baharulah dirampas dari tangannya dengan syarat apa yang dimaksud atau disyaratkan oleh orang yang memberi zakat supaya dijalankan – tidak dirampas atau diubah.

Kalau dari mula lagi undang-undang dibuat bahawa wakaf-wakaf boleh diambil dan diubah daripada tujuan-tujuan orang yang hendak berwakaf maka mudarat akan timbul bahawa akan banyak orang yang tidak mahu berwakaf kerana tidak mengikut niat dan kemahuannya walau apa pun disyorkan kepada mereka supaya mereka berwakaf am sebab wakaf itu satu sedekah yang mengikut kemahuan dan kesukaan orang yang punya harta itu sendiri.

3. **Mengenai asnaf yang lapan –** Tidak bermakna bahawa pungutan-pungutan zakat itu dibahagi kepada semua yang delapan atau bahagiannya mesti diberikan kepada delapan – ini juga dipersoalkan. Periksa tentang sejarah Rasulullah dalam sebahagian zakat satu persatu supaya hak yang punya tidak terampas sebab kalau kita tidak bercermat kita kelak akan bertanggungjawab.

4. Di dalam mempersoalkan perkara yang tersebut banyak alim ulama yang tua-tua dan berpengalaman tidak mengambil bahagian membahas. Mereka itu seolah-olah mendengar sahaja dan "tidak kuasa" apalagi persoalan itu dengan serta-merta datangnya – tidak terlebih dahulu dihalusi dan dikaji – jadi bagaimana hendak membahas dan hukum agama bukan terus dari kepala – tentu ada asalnya, sedang pakai taklid buta – mendengar sahaja apa yang dikata dan mempercayai kenyataan pembuat kertas kerja yang setengahnya hanya "lebih kepada dunia" tentunya menambah sulit bagi mereka.

Jadi walau apa pun kepada mereka, diam lebih utama sebab hendak membahas belum sempurna biji butirnya sedang tujuan telah nyata harta-harta yang dipungut oleh jabatan agama yang berpunca dari zakat fitrah ditujukan untuk dipindahkan untuk diperniagakan – diambil hasil dan modalnya tetap – yang banyak pula menimbulkan kerumitan-kerumitan yang bakal timbul.

Ini sebahagian daripada perkara-perkara yang patut dikaji dengan saksama terutamanya oleh pejabat-pejabat agama dan Majlis Raja-raja Melayu sebelum keputusan diambil. Kita hanya berbaik sangka atas tujuan-tujuan yang baik ini tetapi janganlah di dalam mengambil kebaikan itu ada tersinggung atau terampas hak sesuatu golongan atau puak – atau hak-hak yang memang sudah diberi oleh agama kepada orang-orang yang berkenaan. Oleh sebab itu ada moleknya badan-badan lain mengadakan majlis muzakarah dalam membahas hukum yang terebut secara ilmiah yang mendalam.

Keadaan Majlis

Ada baiknya di sini kita membuat sedikit komentar di atas persidangan majlis ulama yang dianjurkan oleh MARA itu. Mungkin hal ini tidak disedari tetapi kami tulis di sini semoga berfaedah menjadi perhatian untuk lain masa kelak.

Alim ulama adalah orang-orang yang dipandang terhormat di dalam lingkungan kita umat Islam. Di dalam penayambut-penyambut tamu yang datang kita dapati ada wanita-wanita muda dan ada pula kaum-kaum ibu yang mungkin diundang seperti kebiasaan majlis-majlis lain.

Wanita-wanita yang menerima tamu itu ada molek kiranya jika mereka pada masa yang akan datang disuruh memakai kudung kepala – sebagaimana adat kebiasaan di majlis baik-baik kita. Juga kalau wanita-wanita ia menjadi peserta ada moleknya untuk mereka diletakkan di tempat khas – tidak terletak menyelit-nyelit di tengah-tengah peserta lelaki yang lain. Ini tentunya lebih sesuai di dalam majlis yang diuntukkan buat alim ulama.